Experts

Next Gen Melayu: Islam, Identiti dan Masa Depan Negara Kita

Fri, 12/26/2025 - 11:37

Generasi muda Melayu kini hidup dalam dunia yang bergerak sepantas bayang sendiri. Apa yang dianggap mustahil semalam menjadi kenyataan hari ini. Dalam hiruk-pikuk media sosial, dalam gelombang teknologi yang tidak pernah tidur, dalam ledakan budaya global yang menyelinap masuk seperti angin malam, anak muda Melayu sedang belajar memahami siapa mereka dalam dunia yang begitu terbuka. Mereka tidak lagi hanya mewarisi sejarah namun mereka sedang menulis sejarah sendiri. Perjalanan ini bukan sekadar pencarian identiti, tetapi pencarian makna, prinsip, dan arah. Di sinilah Islam hadir sebagai cahaya yang tidak pernah padam, membimbing dalam diam. Seperti peribahasa Melayu “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas,” ajaran Islam tetap teguh mengangkat martabat jiwa walaupun zaman bertukar wajah.

Hakikatnya, anak muda Melayu bukan generasi yang hilang jati diri seperti yang sering digembar-gemburkan. Mereka bukan kosong, bukan rapuh, bukan lupa asal-usul. Mereka cuma mencari cara baharu untuk menjadi Melayu dalam dunia moden. Mereka mahu identiti yang bergerak seiring dengan realiti. Melayu yang berfikir, bukan sekadar menurut. Melayu yang menyelami, bukan sekadar menerima. Melayu yang berani mempersoal kerana mahu memperbaiki, bukan kerana mahu melawan. Peribahasa “sekali air bah, sekali pantai berubah” menjadi gambaran paling tepat dengan menunjukkan bukan pantai yang hilang, tetapi bentuknya berubah mengikut rentak zaman. Begitulah generasi ini. Mereka tetap Melayu, tetap Muslim, tetap warganegara Malaysia, cuma gaya mereka berbeza. Bahasa mereka lebih ringkas, cara fikir mereka lebih terbuka, dan cita-cita mereka lebih jauh, merentas sempadan yang kadangkala kita sendiri tidak terfikir.

Dalam rencam dunia hari ini, Islam semakin dilihat oleh anak muda sebagai tempat berteduh. Mereka mencari ketenangan dalam doa, mencari kekuatan dalam zikrullah, mencari makna melalui hikmah. Islam bagi mereka bukan hanya sistem hukum dan ritual, tetapi ‘manual kehidupan’ yang menjawab pelbagai persoalan tentang hubungan, mental, masa depan, dan makna hidup. Mereka mahukan Islam yang menyentuh hati, bukan memukul jiwa. Mereka mencari pencerahan, bukan paksaan. Mereka mahu ulama yang membimbing dengan kasih, bukan menghukum dengan marah. Di sinilah keindahan Islam kembali bersinar; apabila agama disampaikan dengan hikmah, kasih sayang dan logik, maka hati generasi muda terbuka seluasnya. Seperti peribahasa “jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya,” perubahan cara mendidik dan menyampaikan Islam adalah usaha wajib agar generasi baharu melihat agama bukan sebagai beban, tetapi sebagai nikmat.

Dalam konteks kenegaraan, generasi muda Melayu adalah pelayar baharu yang sedang mengemudi kapal besar bernama Malaysia. Kita tidak boleh lagi membina negara hanya dengan tenaga fizikal; negara masa depan dibina dengan idea, empati, ilmu dan integriti. Anak muda Melayu perlu menjadi pemikir, pencipta, pemimpin dan penjaga nilai. Dalam dunia yang semakin rumit, suara mereka penting, keputusan mereka besar maknanya, dan tindakan mereka menentukan hala tuju negara. Jika generasi ini gagal memelihara nilai Melayu-Islam yang menjadi akar bangsa, maka rapuhlah pohon negara. Tetapi jika generasi ini berjaya memadukan kecerdasan moden dengan ketinggian akhlak, maka Malaysia mampu berdiri megah sebagai negara yang bukan sahaja maju, tetapi juga

bermaruah.

Generasi muda Melayu pada hari ini mempunyai segala potensi untuk memimpin Malaysia ke arah masa depan yang lebih baik. Mereka memiliki kecerdikan teknologi, kelenturan budaya, kemampuan adaptasi, serta akses kepada ilmu dan jaringan global yang tidak pernah dinikmati generasi sebelumnya. Namun, potensi tanpa nilai adalah seperti kapal tanpa kompas. Di sinilah Islam dan identiti Melayu menjadi nadi yang menstabilkan langkah mereka. Peribahasa “harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama” mengingatkan bahawa nilai dan tindakan kitalah yang akan menentukan warisan yang kita tinggalkan. Generasi muda Melayu perlu meninggalkan nama yang baik iaitu nama yang melambangkan kejujuran, keberanian, kebijaksanaan dan kesetiaan kepada negara.

Akhirnya, generasi muda Melayu tidak perlu memilih antara moden atau tradisi, antara global atau tempatan, antara Islam atau kemajuan. Mereka boleh menjadi semuanya sekali, kerana identiti bukan tembok yang mengehadkan, tetapi sayap yang membolehkan kita terbang lebih jauh. Inilah saatnya untuk membina Melayu baharu yang berani, terbuka, inovatif dan tetap berakar. Melayu yang tidak taraf kedua di mata dunia kerana keyakinan yang teguh. Melayu yang tidak hilang suaranya walau dicabar budaya luar. Melayu yang tidak hanyut walau dilambung gelombang globalisasi. Melayu yang memahami bahawa dunia berubah, tetapi prinsip hidup tidak boleh digadai. Seperti peribahasa “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung,” generasi baharu mesti memijak bumi warisan dengan rasa syukur, sambil menjunjung langit aspirasi moden dengan penuh hikmah dan maruah. *Next Gen* Melayu bukan generasi yang hilang bahkan mereka adalah generasi yang sedang bangkit, sedang membina makna, dan sedang menulis wajah baharu bangsa, agama dan negara. Di bumi bertuah Malaysia ini menunggu mereka, bukan sebagai pewaris semata-mata, tetapi sebagai pencipta masa depan.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni
E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my
Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 81 views

View PDF